



**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN**



**EMBARGO: Tidak dibenarkan untuk  
diterbitkan atau disiarkan sebelum 4.00  
petang pada hari Khamis, 26 Februari  
2026.**

**SIARAN MEDIA  
PELANCARAN LAPORAN PASARAN HARTA 2025**

**NILAI TRANSAKSI HARTA TANAH CAPAI REKOD TERTINGGI  
MELEBIHI RM240 BILION**

---

**KAJANG, 26 Februari 2026** – Prestasi nilai transaksi harta tanah negara pada tahun 2025 memecah rekod tertinggi, melebihi RM240 billion dalam tempoh 10 tahun, menurut Laporan Pasaran Harta 2025 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Dari tahun ke tahun, nilai transaksi menokok 4.1% kepada RM241.87 billion, manakala bilangan transaksi menyusut 1% kepada 416,413 berbanding tahun 2024.

Prestasi aktiviti pembinaan bagi harta tanah kediaman, kedai dan industri terus kukuh dengan pertumbuhan positif di peringkat siap dibina. Pencapaian ini selari dengan pertumbuhan kukuh sektor pembinaan Malaysia khususnya bagi subsektor bangunan bukan kediaman yang meningkat 18.6%, manakala subsektor bangunan kediaman berkembang pada kadar lebih sederhana sebanyak 5.9%.

YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II berkata prestasi pasaran harta tanah pada tahun 2025 menunjukkan hasil Kerajaan MADANI dalam mengukuhkan industri harta tanah negara walaupun berdepan cabaran ketidakpastian

ekonomi global. Aktiviti pasaran yang kekal berdaya tahan ini adalah tanda keyakinan industri terhadap momentum penstrukturan semula ekonomi Malaysia sebagaimana dalam kerangka Ekonomi MADANI.

Pasaran harta tanah menjadi proksi utama dalam ekonomi sesebuah negara. Inisiatif kerajaan melalui kerangka Ekonomi MADANI dan sokongan berterusan kerajaan mengukuhkan trajektori pertumbuhan pasaran harta tanah dan memberi manfaat yang berterusan kepada rakyat,” kata beliau sempena Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2025 di Institut Penilaian Negara (INSPEN), Selangor hari ini.

Intipati lain prestasi pasaran harta tanah tahun 2025 adalah:

- Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) mencatat pertumbuhan positif 2.6%, berada pada paras 233.1 mata dengan harga purata RM502,922 seunit. Semua negeri mengalami pertumbuhan positif antara 0.8% hingga 6.9%. Mengikut jenis, rumah teres mendahului dengan peningkatan 3.3%, diikuti rumah berkembar 2.8%, rumah sesebuah 2.4% dan unit bertingkat tinggi 0.6%.
- Segmen pelancaran baharu kediaman, menunjukkan prestasi sederhana, menyusut 14.9% kepada 64,487 unit, dengan prestasi jualan 35.5%, berbanding tahun 2024.
- Prestasi kediaman siap dibina tidak terjual (*unsold completed*) merekodkan momentum peningkatan. Unit kediaman siap dibina tidak terjual merekodkan lebih 30,000 unit dengan nilai RM 17.73 bilion, meningkat lebih 30% dan 27% dari segi bilangan dan nilai daripada suku sebelumnya.
- Subsektor pangsapuri khidmat siap dibina tidak terjual menunjukkan momentum prestasi lebih baik dengan penurunan sebanyak 4.2% dan 1.7% dari segi bilangan dan nilai kepada 18,752 unit bernilai RM15.42 bilion berbanding 19,564 unit bernilai RM15.7 bilion pada suku ketiga 2025.
- Di segmen komersial, prestasi penghunian pejabat binaan khas milik persendirian dan kompleks perniagaan menunjukkan peningkatan positif, masing-masing 71.9% dan 78.9%.

## **Trajektori Pasaran Harta Tanah Dijangka Kekal Berdaya Tahan**

Melangkah ke tahun 2026, trajektori pertumbuhan pasaran harta tanah dijangka kekal berdaya tahan dengan pendekatan berhati-hati. Pertumbuhan ini selari dengan ekonomi negara yang diunjurkan berkembang kepada 4% hingga 4.5%, mengambil kira cabaran dalam ekonomi global, ketidaktentuan permintaan domestik dan risiko luaran yang sukar diramal.

Kerajaan secara konsisten menyediakan suntikan berterusan bagi pembangunan harta tanah negara. Pelaksanaan inisiatif dalam kerangka Ekonomi MADANI yang diterjemah dalam belanjawan 2026 dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dijangka menjadi pemangkin momentum pemulihan pasaran harta tanah. Melalui belanjawan 2026 turut memperkenalkan langkah-langkah untuk menggalakkan pertumbuhan permintaan pasaran harta tanah termasuk meningkatkan peruntukan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) sehingga RM20 bilion bagi manfaat 80,000 pembeli rumah dan pengecualian duti setem penuh ke atas instrumen pemindahan dan perjanjian pinjaman untuk pembeli rumah pertama berharga sehingga RM500,000 dilanjutkan sehingga akhir 2027 khusus bagi menggalakkan pemilikan rumah pertama.

Sokongan berterusan kerajaan melalui Program Residensi Rakyat (PRR) dan Projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) dijangka akan terus memacu kerancakan aktiviti pembinaan khususnya dalam sektor perumahan. Selain itu, perkembangan positif dalam kesiapan pembangunan infrastruktur strategik, berperanan penting dalam memacu pembangunan berorientasikan transit (TOD), sekaligus akan menjadi pemangkin peningkatan ekonomi dan pasaran harta tanah negara.

Laporan Pasaran Harta dan semua penerbitan lain boleh dilayari melalui portal rasmi NAPIC di [napic.jpph.gov.my](http://napic.jpph.gov.my).

**Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)**  
**Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)**  
**Kementerian Kewangan**  
**26 Februari 2026**